

28 FEB 2002

Mahathir-Abdullah/I

DR MAHATHIR PUAS HATI PRESTASI ABDULLAH

SEPANG, 28 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau berpuas hati dengan prestasi timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menanggung tugas semasa Perdana Menteri bercuti sebulan di luar negara.

"Ini menunjukkan negara ini dapat ditadbir dengan baik berdasarkan sistem yang ada. Dasarnya ada. Ianya bukanlah kerana oleh mana-mana individu termasuk saya," katanya pada sidang media di Kompleks Bunga Raya KLIA sekembalinya daripada bercuti itu.

Beliau berkata Abdullah telah melaksanakan tugasnya dengan baik seperti mempengerusikan mesyuarat kabinet dan mesyuarat Umno serta mengendalikan urusan lain.

"(Abdullah ) tidak sekalipun berbincang dengan saya, tidak mahu ganggu saya. Saya gembira tidak ada panggilan telefon," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan mengumumkan rombakan kabinet seperti yang kerap dilakukannya apabila pulang daripada bercuti, Dr Mahathir : "Ya, kamu (wartawan yang mengajukan soalan itu) boleh mohon bila-bila masa saja."

Ketika ditanya sama ada beliau telah memperoleh ilham untuk mengisi jawatan Menteri Kewangan yang disandangnya sekarang semasa berada di Antartika, Perdana Menteri berkata : "Keadaan di sana terlalu sejuk. Saya tak dapat fikir dengan baik dalam keadaan seperti itu."

Dr Mahathir mengambil alih jawatan Menteri Kewangan apabila Tun Daim Zainuddin melepaskannya pada 1 Jun tahun lepas. Ketika itu, Perdana Menteri menjelaskan beliau memegang jawatan itu hanya sementara.

Bercakap mengenai Antartika, beliau berkata Malaysia sudahpun mengadakan penyelidikan di sana sejak 1999 dengan penyelidik-penyelidik negara menggunakan kemudahan New Zealand dan Australia.

"Tetapi saya bawa saintis bersama saya semasa saya pergi ke Antartika dan mereka berpendapat bahawa ada bidang lain yang perlu diberi tumpuan oleh Malaysia walaupun kita negara tropika. Kita harus tahu tentang asal usul Antartika dan rejim yang perlu diikuti oleh Antartika," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mahu melihat sesiapa pun mengeksploitasi sumber di Antartika sehingga mencemarkan dunia.

"Kita berpendapat tidak harus ada sebarang percubaan untuk pengeluaran minyak ataupun bahan mentah yang lain di Antartika," katanya.

Beliau berkata Malaysia perlu terlibat dalam kajian yang dijalankan di Antartika kerana didapati dalam organisasi yang menguruskan pentadbiran Antartika terdapat hanya negara-negara maju.

"Kepentingan negara-negara membangun tidak diberi perhatian sewajarnya," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SR AHH MAI